

**SOALAN NO: 149**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Dr Mansor Bin Abdul Rahman [Sik]
- SOALAN** : Dr Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah perkembangan penanaman jagung bijian di Malaysia setakat ini kerana statistik menunjukkan bahawa Malaysia boleh menjimatkan sebanyak 3.2 billion setahun. Adakah penanaman jagung bijian ini dapat membantu ekonomi negara seperti sawit dan getah.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian telah mula melaksanakan projek pemerhatian di Stesen Pertanian Ajil, Terengganu dan 5 projek perintis penanaman jagung bijian di tiga (3) buah negeri dengan keluasan 24 hektar iaitu Terengganu (16 hektar), Perak (2 hektar) dan Kedah (6 hektar). Lokasi projek perintis yang dilaksanakan adalah di kawasan tanah mineral, tanah gambut, tanah Bris dan di kawasan sawah padi semusim luar jelapang bagi melihat potensi hasil jagung bijirin di lokasi dan varieti yang berbeza.

Pada tahun 2017, sebanyak RM5 juta diperuntukkan untuk memperluaskan pelaksanaan pemerhatian kesesuaian penanaman jagung bijirin secara komersil di 10 negeri yang melibatkan keluasan 697.65 hektar meliputi aktiviti penyediaan infrastruktur asas di ladang, peralatan dan mesin / jentera untuk penanaman sehingga ke pengeringan jagung bijirin.

Pembangunan industri jagung bijian akan menjadi salah satu sumber kekayaan baharu negara kerana ianya dapat mengoptimumkan penggunaan tanah terutamanya di kawasan sawah padi satu musim di luar jelapang dan tanah-tanah terbiar. Di samping itu, ianya juga dapat membantu ekonomi negara melalui pengwujudan pengusaha jagung bijian, agropreneur dalam penghasilan silaj serta syarikat pemprosesan makanan ternakan. Pembangunan industri ini merupakan perancangan jangka panjang di mana Kerajaan mensasarkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 58,000 Tan Metrik sehingga tahun 2020.